# Kertas Bil. 10/2020

DEWAN NEGERI SELANGOR

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 1 NOVEMBER, 4-8 NOVEMBER DAN 11 – 13 NOVEMBER 2019**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG "ISU PERUNTUKAN SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)"**

**KERTAS BILANGAN 31/2019**

---

# MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PERUNTUKKAN SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS) BAGI MESYUARAT KETIGA (BAJET) PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 1 NOVEMBER, 4 NOVEMBER-8 NOVEMBER & 11 NOVEMBER-13 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bilangan 28 / 2019 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG ISU PERUNTUKAN SISTEM MAKLUMAT REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)** | 1. Ahli Jawatankuasa bercadang supaya pangkalan data (database) jalan MARRIS pada masa ini yang berdasarkan panjang jalan dikemas kini kepada meter persegi. Ini adalah kerana terdapat pelbagai jenis kelebaran jalan yang tidak diambil kira jika sistemnya berdasarkan panjang jalan semata-mata. Perbendaharaan Negeri Selangor (PWN) perlu bersama semua agensi kerajaan negeri berkaitan untuk mengemukakan cadangan kiraan formula baru kepada Kementerian kewangan Malaysia. | NEUTRAL | | Kaedah pengiraan jalan MARRIS sememangnya telah mengambil kira panjang dan lebar jalan. Prinsip pengiraan atau formula dalam menentukan kos penyenggaraan jalan bagi setiap kilometer ini telah diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara pada Meysuarat Bil. 1 Tahun 1989.<br>Penerangan lanjut adalah seperti di **Lampiran A**. |
| | | 2. Selain itu, Ahli Jawatankuasa juga mencadangkan supaya database jalan MARRIS ditambah baik dengan mengkategorikan jalan-jalan kepada jenis penggunaan tinggi, penggunaan sederhana dan penggunaan rendah mengikut pengiraan trafik. Ini adalah untuk mengenal pasti jalan yang mana yang perlu penyelenggaraan yang lebih kerap. | ✓ | | Sekiranya perkara ini ingin dilaksanakan, pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu melaksanakan kajian trafik dan boleh menggunakan peruntukan sedia ada MARRIS yang diagihkan kepada PBT sama ada melalui peruntukan Ahli Dewan Negeri (ADN) atau melalui Panjang Jalan PBT. Sekiranya terdapat permintaan sebegini daripada mana-mana ADN, disarankan agar pihak PBT |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | mengguna pakai peruntukan ADN. Sesi konsultasi PBT bersama semua ADN terutama kawasan ADN yang bertindih antara PBT perlu dilaksanakan dan perlulah mendapat persetujuan bersama secara bertulis. |
| | | 3. Ahli Jawatankuasa mencadangkan supaya peruntukkan MARRIS sebanyak RM3 juta untuk setiap kawasan DUN diagihkan semula mengikut jumlah meter persegi jalan tolak meter persegi yang sudah diturap yang masih dalam berkeadaan baik dengan weightage diberikan mengikut keutamaan seperti jalan penggunaan tinggi, jalan penggunaan sederhana dan jalan penggunaan rendah. Sementara menunggu database jalan dikemas kini, peruntukkan tersebut boleh diagihkan semula mengikut sedia ada. | | ✓ | Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 4/2014 yang bersidang pada 29 Januari 2014 telah memutuskan bahawa setiap DUN diperuntukkan sebanyak RM3 juta dari siling peruntukan MARRIS untuk menangani aduan berkenaan masalah kerosakan jalan yang dirujuk kepada ADN/Pegawai Penyelaras ADN.<br><br>Peruntukan tersebut diagihkan dan disalurkan melalui PBT dan pihak PBT hendaklah mengadakan konsultasi dengan pihak ADN bagi mengenal pasti projek-projek yang benar-benar diperlukan untuk dilaksanakan kerja-kerja pembaikan atau penyenggaraan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | perenggan 11 Garis Panduan MARRIS.<br><br>Sekiranya peruntukan sebanyak RM3 juta tersebut tidak mencukupi, maka pihak PBT yang berkenaan hendaklah menggunakan peruntukan yang telah diperuntukkan "siling panjang jalan" yang disalurkan kepada pihak PBT. |
| | | 4. Jika terdapat baki peruntukan yang belum dihabiskan mana-mana agensi pada hujung tahun, peruntukkan MARRIS wajar dapat disalurkan kepada agensi lain untuk digunakan atas jalan-jalan lain. | | ✓ | Peruntukan yang diagihkan telah mengambil kira komitmen-komitmen sepanjang tahun. Penggunaan duit MARRIS seharusnya tidak tertumpu pada penyenggaraan jalan semata-mata kerana terdapat kerja-kerja lain yang dibenarkan untuk dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 11 Garis Panduan MARRIS.<br><br>Sekiranya terdapat keperluan untuk peruntukan tambahan, agensi boleh memohon kepada Pegawai Kewangan Negeri tertakluk kepada baki peruntukan yang ada di Perbendaharaan Negeri. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM,
PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5. Setiap agensi yang menggunakan peruntukan MARRIS untuk menurap jalan perlu memastikan inventori jalan yang sudah diturap untuk mengelakkan turapan berulang. | ✓ | | Sememangnya perkara ini telah dilaksanakan di peringkat agensi pelaksana. |
| | | 6. Setiap PBT perlu membekalkan kepada setiap ADUN data berkenaan jalan yang sudah diturap untuk 10 tahun dahulu semasa memohon cadangan ADUN berkenaan jalan yang wajar diturap untuk tahun depan. | ✓ | | Pihak PBT akan mengemukakan maklumat berkenaan berdasarkan permintaan / keperluan ADN. Walau bagaimana pun, data yang ada hanyalah untuk tempoh 5 tahun kebelakang sahaja. |
| | | 7. Setiap PBT perlu membuat cerapan jalan melalui Mesyuarat Infrastruktur apabila timbulnya masalah jalan yang tidak bertuan. Ini adalah untuk memastikan tiada jalan yang tercicir daripada penyelenggaraan. Sebagai langkah pertama, setiap PBT perlu mengenal pasti semua jalan yang tidak bertuan dengan segera untuk diuruskan melalui Mesyuarat Infrastruktur. | ✓ | | Kebanyakkan jalan-jalan yang tidak bertuan adalah jelas bukan di bawah seliaan dan kawasan pihak PBT dan kebanyakan jalan tersebut merupakan jalan persendirian. Jalan sebegini tidak mengikut Spesifikasi Piawaian Kerja Jalan yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan MARRIS.<br><br>Walau bagaimanapun, penyelarasan tindakan di antara agensi pelaksana ada dilaksanakan melalui Mesyuarat Infrastruktur bagi mengenal pasti |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 'çaretaker' bagi jalan-jalan tersebut. Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak, pihak agensi pelaksana boleh menggunakan peruntukan selain daripada peruntukan MARRIS yang ada di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di bawah peruntukan ADN/Parlimen atau mana-mana peruntukan lain yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Wilayah (KKLW) atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. |
| | | 8. Penentuan harga cut-off perlu dikaji semula bagi memastikan kualiti penurapan jalan adalah baik dan mengelakkan penurapan berkali-kali untuk jalan yang sama. | | ✓ | Pada masa ini, Kerajaan Negeri masih lagi mengekalkan dasar harga yang boleh dinilai dan di senarai pendek adalah harga yang didapati tidak lebih rendah dari -20% Adjusted Mean Kerja Pembina (BWAM). Ini kerana ia dapat menjimatkan tempoh masa penilaian teknikal kerana harga-harga yang lebih rendah daripada -20% BWAM tidak perlu dinilai melainkan bilangan tawaran daripada pembina tidak ramai atau pembina yang di senarai pendek |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | didapati tiada yang berjaya setelah melalui penilaian teknikal. |
| | | 9. Agensi perlu memastikan penurapan jalan oleh kontraktor dipantau dengan rapi oleh jurutera lapangan atau *site engineer*. | ✓ | | Saranan yang diutarakan telah pun dilaksanakan secara mingguan oleh jurutera di peringkat PDT manakala secara harian di peringkat PBT. Terdapat juga PBT yang menyediakan senarai semak bagi setiap kerja-kerja penurapan jalan. |
| | | 10. Agensi perlu menyenaraihitamkan mana-mana kontraktor yang tidak melaksanakan spesifikasi kerja yang ditetapkan. | ✓ | | Jabatan hendaklah mengambil tindakan ke atas kontraktor yang tidak melaksanakan spesifikasi kerja yang telah ditetapkan mengikut terma dan syarat-syarat yang diperuntukkan dalam perjanjian kontrak. Jabatan hendaklah memastikan pentadbiran kontrak dilaksanakan dengan cekap dan teliti. Aduan hanya boleh dikemukakan hanya selepas jabatan mengambil tindakan berdasarkan perjanjian kontrak. Perkara ini boleh merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK) 8 – Ketidakpatuhan dalam Perolehan Kerajaan untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 11. Setiap agensi perlu memperketat prosedur untuk memastikan semua orang berkepentingan merekodkan kehadiran sebelum kerja penurapan jalan bagi memantau kerja penurapan tersebut. Proses ini juga diperlukan semasa audit turapan. Orang berkepentingan termasuk, jurutera lapangan (site engineer), orang teknikal daripada agensi yang menawarkan tender kerja, kontraktor, ahli majlis atau wakilnya, dan wakil penduduk yang berpengetahuan teknikal. | ✓ | | Saranan yang dikemukakan boleh diterima. Walau bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada tatacara urusan Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan. Dalam urusan Pentadbir Kontrak Perolehan Kerajaan, Pegawai Penguasa / Pengarah Projek (PP) adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk menyelia dan mengarah pelaksanaan kerja secara keseluruhan. Pegawai Penguasa / Pengarah Projek ini merupakan seorang pegawai teknikal yang dilantik di kalangan penjawat awam di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. |
| | | 12. Setiap agensi perlu membuat rancangan kerja dengan kontraktor terlibat dengan mengambil kira cuaca. Pegawai pemantau perlu memastikan kontraktor tidak menjalankan kerja ketika hujan. Kerja semasa hujan perlu dihentikan. | ✓ | | Peringatan dan pemberitahuan kepada kontraktor telah dibuat semasa taklimat penyerahan Surat Setuju Terima (SST) diadakan. Pihak PBT sentiasa memastikan kerja-kerja tidak dilaksanakan dalam waktu hujan bagi memastikan kualiti kerja tidak terjejas. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 13. Setiap agensi perlu memastikan supaya semua kerja yang melibatkan peruntukan MARRIS, dari ulasan ADUN kepada tender dan pelaksanaan kerja tersebut perlu dirancang dari tahun sebelumnya dan tidak sepatutnya awal tahun dan tidak sepatutnya dilewatkan sehingga hujung tahun. | ✓ | | Amalan semasa setiap tahun, pihak PBT perlu melaksanakan konsultasi bersama ADN berkenaan perancangan kerja atau memuktamadkan senarai kerja-kerja MARRIS yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya dalam tempoh bulan Oktober hingga Disember tahun sebelumnya. Ini bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan bagi tahun berikutnya dapat dijalankan mengikut perancangan dan seterusnya memastikan paras perbelanjaan MARRIS pada tahap 85% diguna pakai pada akhir September setiap tahun bagi memastikan Negeri Selangor mendapat peruntukan penuh pada tahun berikutnya. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM, PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 14. Setiap agensi wajar mengkaji dan mengguna pakai kaedah, teknologi, bahan dan cara kerja terkini termasuk penurapan jalan selekoh, simpang empat, lampu isyarat dan lain-lain. Walaupun Bagi pembangunan yang berskala besar, mesyuarat penyelarasan sentiasa dilaksanakan dengan syarikat-syarikat utility yang terlibat. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang membabitkan kerja-kerja kecemasan, perancangan awal dan penyelarasan tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan masa dan keperluan yang mendesak.ia mungkin memerlukan perbelanjaan tambahan, tetapi hasilnya adalah lebih baik dan lebih menjimatkan untuk tempoh masa yang panjang. | ✓ | | Agensi perlu mengenalpasti tahap kerosakan jalan dan merancang cara pembaikan yang terbaik supaya kerosakan tidak berulang dan jalan yang telah selesai diselenggara dapat bertahan lama.<br><br>Sememangnya diakui kos pembaikan bagi mengguna pakai kaedah, teknologi, bahan dan cara kerja terkini memerlukan kos yang tinggi berbanding cara pembaikan jalan konvensional. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM,
PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 15. Keperluan membaiki perabot jalan seperti cat pemisah jalan, cat bonggol dan sebagainya perlu dimasukkan dalam spesifikasi kerja dan dipastikan dibuat sejurus sahaja kerja penurapan jalan selesai. | ✓ | | Sememangnya kerja-kerja membaiki perabot jalan seperti cat pemisah jalan, cat bonggol dan sebagainya dimasukkan dalam spesifikasi kerja. Walau bagaimanapun, kerja-kerja mengecat hanya dapat dilaksanakan selepas 7 hari kerja-kerja turapan dijalankan. Sementara menunggu tempoh 7 hari tersebut, cat sementara boleh digunakan bagi menandai jalan bagi tujuan keselamatan pengguna jalan raya. |
| | | 16. Agensi berkaitan juga perlu membuat penyelarasan dengan syarikat-syarikat utiliti bagi mengelakkan jalan yang baru diturap digali semula bagi kerja utiliti. Perlu perancangan bersama. | ✓ | | Bagi pembangunan yang berskala besar, mesyuarat penyelarasan sentiasa dilaksanakan dengan syarikat-syarikat utiliti yang terlibat. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang membabitkan kerja-kerja kecemasan, perancangan awal dan penyelarasan tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan masa dan keperluan yang mendesak. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO)
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM,
PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329

**LAMPIRAN A**

## KAEDAH PENGIRAAN PEMBERIAN PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

Pengiraan yang digunapakai adalah berdasarkan kepada prinsip yang telah diluluskan oleh Majlis Kewangan Negara pada Mesyuarat Bil. 1 Tahun 1989.

Prinsip pengiraan yang digunakan bagi membuat pengiraan pemberian penyenggaraan jalan-jalan negeri ini adalah berdasarkan kepada jumlah kos pekerja, bahan dan loji yang digunakan bagi setiap aktiviti penyenggaraan jalan mengikut kategori jalan. Setiap jalan negeri yang terlibat untuk kerja-kerja penyenggaraan adalah perlu memenuhi penetapan syarat-syarat pada Kriteria Am Berasaskan Perlembagaan Persekutuan untuk semua kategori jalan dan kriteria khas mengikut kategori jalan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan-Jalan Negeri (GP MARRIS).

Formula pengiraan perbatuan penyenggaraan jalan-jalan negeri adalah seperti berikut:

$$\Sigma\{\text{Setiap Aktiviti (Unit kos X Kekerapan X \% Kuantiti Kecacatan X Keluasan Jalan)}\}$$

Sumber-sumber bagi pengiraan Unit Kos adalah:

(i) Kos Pekerja : Berdasarkan harga gaji semasa serta harga indeks semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

(ii) Harga Bahan: Berdasarkan Siaran Khas Kerja-kerja Kejuruteraan Awam keluaran Jabatan Perangkaan Malaysia.

(iii) Sewa Loji: Kadar semasa yang disyorkan oleh Cawangan Kontrak & Ukur Bahan, JKR Malaysia.

Maklumat lain yang diperlukan dalam pengiraan:

(i) Panjang dan lebar jalan;

(ii) Kekerapan Aktiviti Penyelenggaraan;

(iii) Harga Bahan Semasa;

(iv) Harga Sewaan Loji Semasa;

(v) Indeks Harga Pengguna (IHP);

(vi) Jumlah Pembakaran Minyak bagi Loji-loji;

(vii) Jumlah Pekerja dan Kadar Gaji Pekerja; dan

(viii) Jenis Permukaan Jalan (SRT 1 / SRT 2 / SRT 3)

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN (EXCO
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP INFRASTRUKTUR & KEMUDAHAN AWAM,
PEMODENAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
TINGKAT 15, BANGUNAN SSAAS
40000 SHAH ALAM
TEL: 603-5544 7150/7676 FAKS: 603-5519 3329